

Headline	FAMA galak petani tanam labu emas		
MediaTitle	Berita Harian (Johor)		
Date	01 Oct 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	9,832
Page No	67	Readership	29,496
Language	Malay	ArticleSize	185 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,240
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,720



# FAMA galak petani tanam labu emas

**Kuantan:** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pahang menggalakkan petani mengusahakan tanaman labu emas atau labu manis (*Cucurbita maxima*) bagi memenuhi permintaan tempatan.

Pengarahnya, Rosli Aw Da, berkata projek tanaman labu emas terbesar di negeri ini kini terdapat di Kampung Ubai, di sini, membabitkan kawasan lebih empat hektar.

Beliau berkata, projek perintis itu diharap menemui kejayaan membanggakan sama seperti tanaman tembikai yang sememangnya sudah terkenal di kawasan terabit.

Menurutnya, labu emas antara tanaman kontan yang mendapat permintaan baik daripada pengguna untuk menghasilkan pelbagai jenis kuih, selain dibuat sayur lemak.

“Sebelum ini, tanaman

labu emas pernah diusahakan oleh petani di Rompin sebagai tanaman giliran selepas projek ubi keledek, sayur dan cili.

“FAMA sedia membantu petani yang berminat mengusahakan tanaman labu emas. Kursus jangka pendek disediakan kepada


mereka yang berminat,” katanya kepada *BH*, di sini, semalam.

Beliau berkata, tanaman labu emas mengeluarkan hasil selepas tiga bulan dan tanah pasir sesuai untuk untuk tanaman berkenaan.

Rosli berkata, FAMA melihat tanaman labu emas boleh dijadikan tanaman giliran yang mampu memberi pulangan baik sekali gus meningkatkan pendapatan petani.

“Kita turut menggalakkan masyarakat supaya lebih banyak makan labu emas, banyak produk hiliran dihasilkan daripada buah berkenaan seperti dodol, pengat, kuih dan bubur.

“Penganjuran pertandingan masakan pencuci mulut daripada labu juga dapat memperkenalkan buah berkenaan yang kini banyak ditanam di Kelantan dan Terengganu,” katanya.

 **FAMA melihat tanaman labu emas boleh dijadikan tanaman giliran yang mampu beri pulangan baik sekali gus meningkatkan pendapatan petani.**

**Rosli Aw Da,**  
Pengarah FAMA Pahang